

# TERMA DAN SYARAT PERADUAN: SAJI "MENYALA LAGI RAYA"

**NAMA KEMPEN:** SAJI Menyala Lagi Raya

**NAMA PERADUAN:** Beli & Menang

**PENGANJUR:** Delima Oil Products Sdn Bhd (DOPSB) - anak syarikat FGV Holdings Berhad

Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat berikut:

## 1. PENGANJUR & KELAYAKAN

- 1.1. Peraduan ini dianjurkan oleh **Delima Oil Products Sdn. Bhd.** ("Penganjur").
- 1.2. Peraduan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur **18 tahun dan ke atas** pada tarikh permulaan peraduan serta mempunyai Kad Pengenalan (MyKad) yang sah.

## 2. TEMPOH PERADUAN

- 2.1. Peraduan bermula dari **14 Februari 2026 hingga 24 April 2026** ("Tempoh Peraduan").
- 2.2. Jadual Mingguan bagi pemilihan pemenang Saguhati Mingguan adalah seperti berikut:

- **Minggu 1:** 14 Feb 2026 – 20 Feb 2026
- **Minggu 2:** 21 Feb 2026 – 27 Feb 2026
- **Minggu 3:** 28 Feb 2026 – 6 Mac 2026
- **Minggu 4:** 7 Mac 2026 – 13 Mac 2026
- **Minggu 5:** 14 Mac 2026 – 20 Mac 2026
- **Minggu 6:** 21 Mac 2026 – 27 Mac 2026
- **Minggu 7:** 28 Mac 2026 – 3 Apr 2026

- **Minggu 8:** 4 Apr 2026 – 10 Apr 2026
- **Minggu 9:** 11 Apr 2026 – 17 Apr 2026
- **Minggu 10:** 18 Apr 2026 – 24 Apr 2026

### 3. CARA PENYERTAAN

Peserta dikehendaki mengikuti langkah-langkah berikut untuk memastikan penyertaan yang sah:

**Langkah 1: BELI** Beli mana-mana produk yang mengambil bahagian (SAJI, SERI PELANGI, PREMEO, ADELA, atau GULA PRAI) bernilai minimum **RM25.00** dalam satu resit. *Sila simpan resit asal sebagai bukti pembelian.*

**Langkah 2: GAMBAR & IMBAS** Ambil gambar resit asal dengan jelas (pastikan nama kedai, tarikh, item pembelian, dan jumlah harga tertera dengan terang).

**Langkah 3: HANTAR** Imbas Kod QR atau hantar gambar resit melalui WhatsApp ke talian **019-472 8671** berserta butiran peribadi berikut:

1. Nama Penuh (seperti dalam MyKad)
2. Nombor Kad Pengenalan (No. IC)
3. Nombor Telefon
4. Alamat E-mel
5. Nama Akaun Media Sosial (Sila nyatakan jenis platform, cth: FB/IG/TT)

**Langkah 4: IKUTI & KOMEN (Syarat Wajib Media Sosial)** Bagi melengkapkan penyertaan dan meningkatkan peluang kemenangan:

1. Peserta **MESTI** mengikuti ('Follow') akaun rasmi media sosial SAJI di Facebook, Instagram (@sajiofficialmalaysia), atau TikTok (@sajiofficial).
2. Cari mana-mana hantaran ('Posting') berkaitan peraduan ini di laman sosial tersebut.
3. Tinggalkan komen yang mengandungi perkataan "**MENYALA**" di ruangan komen hantaran berkenaan.

## 4. KRITERIA PEMILIHAN PEMENANG

### 4.1. Kategori Peluang Menang Tertinggi (Lagi Banyak Beli, Lagi Besar Peluang!)

- Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan. Setiap nilai pembelian [**RM 25**] dalam satu resit sah akan dikira sebagai **satu (1)** penyertaan. Semakin banyak penyertaan yang dikumpul di bawah **satu Nombor Kad Pengenalan, semakin tinggi peluang anda** untuk memenangi hadiah utama, kedua dan ketiga!

### 4.2. Pemenang Saguhati Mingguan (Kategori Cabutan Bertuah)

- Pemenang dipilih secara **RAWAK** (Lucky Draw) pada setiap penghujung minggu peraduan.
- Sebanyak **20 pemenang** akan dipilih pada setiap minggu (Jumlah keseluruhan: 200 pemenang sepanjang 10 minggu).

## 5. HADIAH PERADUAN

**5.1. Hadiah Utama (x 2 Pemenang)** Pemenang boleh memilih **satu** daripada pilihan berikut (Bernilai sehingga RM10,000):

- **Pilihan A (Muslim):** Pakej Umrah.
- **Pilihan B (Bukan Muslim):** Pakej Percutian.

### 5.2. Hadiah Kedua (x 10 Pemenang)

- Wang Tunai bernilai **RM1,500**.

### 5.3. Hadiah Ketiga (x 10 Pemenang)

- Wang Tunai bernilai **RM500**.

### 5.4. Saguhati Mingguan (x 200 Pemenang)

- Baucar Shopee bernilai **RM50**.

**5.5. Hak Penggantian Hadiah** Penganjur (DOPSB) berhak untuk menukar atau menggantikan mana-mana hadiah dengan item lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

**Nota Penting Pembayaran Hadiah Tunai:** Pembayaran Hadiah Kedua dan Ketiga akan dilakukan melalui pindahan bank (Online Transfer) oleh agensi pelaksana yang dilantik oleh Penganjur, iaitu **Delima Oil Products Sdn. Bhd.**, Pemenang akan diminta memberikan nombor akaun bank yang sah atas nama pemenang sendiri bagi tujuan pemprosesan.

## **6. PENGUMUMAN PEMENANG & PENEBUSAN**

- 6.1. Pemenang akan dihubungi menerusi WhatsApp atau panggilan telefon.
- 6.2. Senarai nama pemenang akan dipaparkan di akaun rasmi media sosial **SAJI Malaysia** (Facebook & Instagram: @sajiofficialmalaysia).
- 6.3. Pemenang Hadiah Utama, Kedua, dan Ketiga dikehendaki mengemukakan resit asal dan salinan MyKad bagi tujuan pengesahan sebelum hadiah diserahkan.
- 6.4. Kegagalan mengemukakan resit asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kemenangan.
- 6.5. Hadiah hendaklah ditebus selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** selepas tarikh akhir kempen peraduan.

## **7. DATA PERIBADI & HAK CIPTA**

- 7.1. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju membenarkan Penganjur dan agensi lantikannya (termasuk Delima Oil Products Sdn. Bhd) memproses data peribadi (Nama, No. Telefon, IC, E-mel) untuk tujuan peraduan ini selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).
- 7.2. Penganjur berhak menggunakan nama dan gambar pemenang untuk tujuan publisiti dan pemasaran tanpa sebarang bayaran tambahan.
- 7.3. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.